

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

SOALAN NO. 446

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah rancangan untuk menyediakan lebih banyak Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan di seluruh negara terutamanya Sandakan untuk memberi manfaat dan melengkapkan belia kami dengan kemahiran teknikal yang berkaitan untuk pasaran kerja masa depan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih kepada YB Sandakan diatas keprihatinan dalam soal pembangunan kemahiran TVET di kalangan belia negara.
2. Kementerian Belia dan Sukan melalui **22 Institusi** Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) iaitu Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG) menawarkan **latihan kemahiran sepenuh masa** dari tahap 1 hingga tahap 5 menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta persijilan profesional yang melibatkan **14 bidang utama** antaranya Mekanikal, Elektrik, Elektronik, Teknologi Awam, Hospitaliti, Teknologi Sukan, Fotografi, Personel, Automotif, Tekstil, Teknologi Maklumat, Teknologi Marin, Teknologi Pertanian dan Minyak dan Gas (HSE).

SOALAN NO : 447

3. Untuk makluman YB Sandakan, pihak Kementerian telah membina sebuah IKBN di Kinarut pada tahun 2003 yang mempunyai kapasiti sebanyak 700 orang. Bidang-bidang yang ditawarkan di IKBN Kinarut adalah Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia yang melibatkan bidang Teknologi Elektrik, bidang Penyejukan dan Penyamanan Udara, bidang Binaan Bangunan dan Pelukis Pelan.

4. IKBN Kinarut juga merupakan pusat yang ditauliahkan oleh Suruhanjaya Tenaga bagi Program Penjaga Jentera Elektrik kategori A0, A1, A4 dan B0 bagi negeri Sabah. Oleh itu, IKBN Kinarut telah menawarkan kursus sepenuh masa dan kursus jangka pendek kepada belia dan pekerja industri. Bagi 2017 hingga Mei 2019, seramai 444 orang telah mengikuti kursus jangka pendek melibatkan bidang elektrik.

5. Justeru itu, pihak kementerian tiada perancangan buat masa ini bagi menambah bilangan IKBN di Sabah dan akan terus fokus memperkukuhkan bidang-bidang yang ditawarkan di IKBN Kinarut bagi memastikan latihan yang terbaik kepada belia dan memenuhi keperluan industri dan mempertingkatkan bilangan program *bootcamp* dan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang dilaksanakan secara intensif dengan jaminan pekerjaan oleh industri.

6. Selain itu, di Sandakan juga terdapat institusi TVET seperti Institut Latihan Perindustrian, Kolej Komuniti dan Politeknik yang melaksanakan latihan teknikal dan vokasional dalam pelbagai bidang seperti kimpalan, automotif, penghawa dingin, telekomunikasi dan komputer rangkaian

Sekian, terima kasih.